

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-28

(Karya Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali)

Kuliah Maghrib kali ke-112

5 istilah terpuji yang sudah terubah maksudnya :

1. Fiqh
2. Ilmu (dan ulama)
3. Tauhid
4. Tazkir (dan zikir)
5. Hikmah

Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Suhaimi

- 1843-1925
- Keturunan Rasulullah.
- Namanya Muhammad bin Abdullah.
- Gelarannya As-Suhaimi, sempena nama sebuah bandar di Syria. Gelarannya juga Wonosoboni, sempena nama tempat asalnya.
- Sezaman dengan Tok Kenali.
- Anak saudagar Abdullah.
- Bapanya Abdullah bermimpi melihat satu layang-layang naik tinggi.
- Ke Makkah pada usia 30 tahun.
- Hidup mewah 6 tahun pertama di Makkah.
- Kembara ke Mesir mencari guru kasyaf.
- Pengalaman hendak berguru yang menarik.
- Terlihat orang-orang yang solat berkepala kera, kambing dan anjing.
- Guru utamanya Syeikh Nawawi Al-Bantani dan Syeikh Abdullah Az-Zawawi.
- Pindah ke Singapura. Jadi Imam Masjid Kiyai Ma'ruf dan mengajar tanpa bayaran 40 tahun.
- Satu-satunya ulama Nusantara yang bergelar "Agung".
- Sesekali dikawal 'bodyguard' berpedang.

- Kitabnya tentang amalan Tariqat Ghazaliyyah ialah Al-Futuhat al-Ilahiyyah fi Bayani Kaifi at-Tariqah al-Ghazaliyyah.
- Menurutnya, Tariqat Ghazaliyyah ialah sebaik-baik dan seafdhalaafdhala tariqat.
- Kemudiannya dia mengamalkan Tariqat Muhammadiyyah.

SOAL-JAWAB MINGGU LEPAS

Apakah syariat, tariqat, hakikat dan ma'rifat?

SYARI'AT (peringkat zahir)

- Pada mula bermaksud peraturan-peraturan agama yang diturunkan oleh Allah.
- Menurut ulama2 fiqh, syariat ialah segala amal ibadah. Contoh nama kitabnya – “Kitab as-Salah”, “Cara-cara mengerjakan Sembahyang”.
- Menurut ulama2 tasawuf, syariat ialah nilai/kualiti amal ibadah. Contoh nama kitabnya – “Asrar as-Salah”, “Fadhlil as-Salah”, “Ruh Sembahyang”.
- Contoh lain – 3 tahap puasa. 1. Puasa awam (peringkat fiqh). 2. Puasa khusus (peringkat tasawuf). 3. Puasa khusus dari yang khusus (peringkat tasawuf).
- Umumnya orang yang mengerjakan ibadah mengikut hukum fiqh disebut ahli syariat. Yang mengerjakan ibadah mengikut hukum tasawuf disebut ahli hakikat.
- Contoh lain : qiblat tubuh ialah Kaabah, tapi qiblat hati ialah Allah.

TARIQAT (peringkat zahir)

- Untuk sampai ke peringkat ke-3 iaitu haqiqat (hakikat), tentulah kena ada jalannya. Jalannya itulah yang dikenali sebagai tariqat.
- Orang yang melalui jalan ini dinamakan ahli tariqat.
- Sebelum abad ke-5 Hijrah, tariqat hanya dikenali sebagai cara/jalan tarbiyyah para sufi.

- Selepas itu ia turut dikenali sebagai jemaah/aliran/kumpulan/organisasi.

HAQIQAT (peringkat batin)

- Berasal daripada kata akar “haq” yang bermaksud ‘milik’ atau ‘kebenaran’. Dalam bidang yang sedang kita bincangkan, ia bermaksud ‘kebenaran’.
- Para sufi menisbahkan ‘Haq’ itu kepada Allah, kerana Dialah pokok segala kebenaran.
- Dari peringkat inilah akan datangnya kasyaf.
- ‘Ilmu yaqin, ‘ainul yaqin, haqqul yaqin.

MA'RIFAT (peringkat batin)

Maksudnya ialah pengetahuan tentang sesuatu dengan seyakin-yakinnya.

Ma'rifatullah bermaksud mengenal Allah dengan sekenal-kenalnya. Takhalli, tahalli, tajalli.

Ihsan adalah engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihatnya, jika engkau tidak melihatnya maka Dia melihat engkau” .
(Muslim)

